

Shahrizat optimis 30% kerusi milik Wanita UMNO
Utusan Online
21 April, 2012

KOTA BHARU 20 April - Pergerakan Wanita UMNO yakin permintaan mereka untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 30 peratus pencalonan daripada keseluruhan jumlah kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya umum akan datang dapat dipenuhi oleh pucuk pimpinan parti.

Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, senarai nama calon telah pun diserahkan kepada Presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk dipertimbangkan.

"Sekurang-kurangnya 30 peratus dan itu adalah penanda aras kami dan saya optimis serta amat berharap ia dapat dipenuhi," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memberi sumbangan RM7,000 untuk Faridah Salleh, 47, yang kehilangan suaminya akibat kebakaran di bangsal rumah mereka baru-baru ini di Kampung Pengkalan Nangka, Pengkalan Chepa di sini hari ini.

Hadir sama timbalan beliau, Datuk Kamalia Ibrahim dan Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Dali Hussin.

Mengenai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang, Shahrizat menegaskan, mereka sudah bersiap sedia dan hanya menunggu 'semboyan perang' ditiupkan.

Katanya, beliau dapat melihat semangat ahlinya yang berkobar-kobar, justeru yakin sayap itu mampu menjadi jentera utama untuk memberi kemenangan kepada UMNO.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0421&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm